

## **Penerangan Ringkas Berkenaan dengan Hukum Sijil Simpanan Premium**

Penerangan ini dibahagikan kepada tiga bahagian: (i) Asas, (ii) Isu dan (iii) Kesimpulan.

### **ASAS**

1. Akad di antara pembeli/pemilik Sijil Simpanan Premium dan Bank Pengeluar (Bank Simpanan Nasional) adalah akad pinjaman (al-Qardh)<sup>1</sup>. Ia adalah harus.
2. Tiada sebarang pulangan yang dijanjikan atau diwajibkan ke atas peminjam (pihak Bank) untuk diberikan kepada pihak pemberi pinjam (pelanggan). Maka, ialah adalah akad pinjaman (al-Qardh) tanpa riba'. Ia adalah harus.
3. Pemilik Sijil Simpanan Premium juga “berpeluang” (bukan dijanjikan) mendapat hadiah daripada cabutan yang dijalankan. Hadiah-hadiah tersebut adalah dalam bentuk kenderaan dan sijil simpanan premium. Hadiah atau hibah kenderaan adalah harus. Hadiah dalam bentuk sijil simpanan premium sebenarnya adalah dalam bentuk wang atau hutang. Ia adalah harus.
4. Pelanggan yang mempunyai Sijil Simpanan Premium yang lebih banyak mempunyai “kebarangkalian” (dari sudut pengiraan matematik) yang lebih tinggi untuk mendapat hadiah daripada cabutan tersebut. Ia adalah harus kerana ia hanyalah “kebarangkalian” dan tidak mencapai tahap “pasti”. Sekiranya kemenangan daripada cabutan bertuah adalah pasti, maka ia adalah haram kerana ia seumpama tambahan pulangan atau manfaat yang diwajibkan di dalam akan pinjam. Namun ini tidak berlaku, maka ia adalah harus.

---

<sup>1</sup> Ini adalah kerana duit tersebut akan digunakan oleh pihak bank bagi urusan dan perniagaannya. Ia bukanlah mirip kepada akad Wadiah yang lebih merupakan akad pemegangan amanah. Wadiah perbankan adalah mirip kepada al-Qardh mengikut majoriti ulama’.

## ISU

5. Pihak Bank (BSN) yang memberikan hadiah tersebut juga menjalankan pembiayaan secara konvensional dan Islam, maka keuntungan yang diperolehi oleh pihak bank (secara kumpulan) mungkin terdiri daripada keuntungan konvensional yang tidak mematuhi Syariah dan keuntungan yang mematuhi Syariah. Sekiranya hadiah yang diberikan oleh pihak Bank kepada pemilik Sijil Simpanan Premium adalah daripada keuntungan yang bercampur tersebut, maka hadiah tersebut adalah harus diterima. Ini adalah kerana menerima hadiah daripada seseorang yang mempunyai harta bercampur di antara halal dan haram adalah harus.

6. Pihak Bank juga “mungkin” menggunakan duit yang dipinjam daripada pelanggan untuk menjalankan urusan perbankan yang tidak mematuhi Syariah? Apakah hukumnya? – Selagimana “tidak diyakini” (tidak mencapai tahap yakin) bahawa duit yang diberi pinjam tersebut akan digunakan untuk urusan haram, maka hukum memberi pinjam tersebut bersekitar di antara hukum makruh dan harus (berdasarkan kekuatan *zann* / sangkaan berkenaan penggunaan duit tersebut untuk urusan haram). Secara prinsipnya, pemberi pinjam (pelanggan) tidak diwajibkan untuk mengambil tahu tujuan penggunaan duit yang dipinjam tersebut.

## KESIMPULAN

Bagi pihak pelanggan:

Hukum Sijil Simpanan Premium adalah harus sepertimana yang diputuskan oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-28:

“Skim Sijil Simpanan Premium adalah harus mengikut Syarak.”


Keputusan yang sama juga telah diambil oleh Majlis Fatwa Negeri Sembilan. Pihak INFAD juga seharusnya mengambil pendapat yang sama dengan kedua-dua institusi fatwa tersebut,

Bagi pihak Bank:

Penggunaan duit yang diperolehi daripada Sijil Simpanan premium dan hadiah yang dikeluarkan kepada pihak pelanggan perlulah dipastikan daripada sumber yang mematuhi Syariah. Berkenaan hal ini, pihak Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia ada menyebut:

“Mesyuarat juga bersetuju memberi pandangan kepada Bank Simpanan Nasional supaya skim sijil simpanan premium ini diletakkan di bawah sistem Perbankan Islam.<sup>2</sup>”

**Gambarajah 1: Ilustrasi Ringkas bagi Sijil Simpanan Premium**



Disediakan oleh:

ABDULLAAH JALIL,

Pensyarah FEM

Merangkap Ahli Unit Syariah dan Kewangan Islam INFAD

Wednesday, April 28, 2010 / Jamada El Oula 15, 1431

<sup>2</sup> Rujukan: [http://www.e-fatwa.gov.my/mufti/fatwa\\_warta\\_view.asp?keyID=1472](http://www.e-fatwa.gov.my/mufti/fatwa_warta_view.asp?keyID=1472)